

Orang beriman ganjarannya syurga

Firman Allah SWT yang bermaksud: *Sesungguhnya orang yang menimpakan bencana untuk memesongkan orang lelaki yang beriman dan orang perempuan yang beriman, kemudian mereka tidak bertaubat, maka mereka akan beroleh azab neraka jahanam (kerana perbuatan buruk itu), dan mereka akan beroleh lagi azab api yang kuat membakar (kerana mereka tidak bertaubat). Sesungguhnya orang yang beriman dan beramal soleh, mereka akan beroleh syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai, yang demikian itu adalah kemenangan yang besar. (al-Buruj: 10 & 11)*

Tafsir Al-Quran & Asbabun Nuzul

(SIRI 23)

Oleh DR. ZULKIFLI MOHAMAD ALBAKRI

SHEIKH al-Maraghi berkata: “Setelah Allah SWT menyebut kisah ashab al-Ukhidud dan menerangkan penyeksaan yang menimpa kaum Mukminin. Dia juga menyatakan bahawa Dia Maha Berkuasa dan Maha Perkasa untuk menghalang tindakan mereka itu.

“Mereka yang dimaksudkan adalah golongan yang melakukan kezaliman terhadap orang beriman. Sekiranya Allah SWT menanggungkan seksaan kepada mereka semasa di dunia, pasti Dia tidak akan melepaskan mereka ini (di akhirat).

“Dia juga akan menyeksa mereka ini pada hari mata manusia terbelalak. Dia juga menyebut seksaan yang amat pedih disediakan oleh golongan kuffar, lantaran dosa tangan mereka yang menyakiti orang yang beriman. Di samping itu diterangkan juga bahawa pahala yang baik dan sebaik-baik balasan yang disediakan untuk mereka yang beriman.”

Keterangan Ayat 10:

Al-Maraghi berkata: “Orang yang mengganggu kaum mukminin lelaki dan perempuan dengan penyeksaan agar meninggalkan agamanya, sedangkan mereka sendiri tetap kafir dan membangkang, dan tidak mahu bertaubat sampai ajal mereka.

“Bagi orang yang sesat mereka suka menganiaya pembela dan penyeru kebenaran. Ini disebabkan mereka ingin

menyatukan orang dalam kebatilan dan menyebarkan warisan budaya nenek moyang mereka tanpa mengujinya dengan akal sehat dan fikiran yang jernih. Memang begitulah tingkah laku mereka sampai hari kiamat nanti.”

Keterangan Ayat 11:

Hamka berkata: “Meskipun di dunia ini orang-orang mukminin dan mukminat ini mungkin dianiaya dan diseksa, disakiti dan ditindas, kerana teguhnya mereka dengan iman dan diiringi lagi oleh amal soleh.

“Bagi mereka disediakan syurga-syurga, taman-taman yang indah yang penuh dengan nikmat, dengan air sungai yang mengalir membawa kesejukan dan nyaman, sehingga kesakitan yang dideritai sementara waktu di dunia itu telah mendapat balasan yang mulia di sisi Allah.”